

08/02/1999

Tajol berazam pastikan pembangunan KL lancar

KAMPAR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi amanah kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Mohd Tajol Rosli Ghazali untuk mengawasi pembangunan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan.

Menerusi portfolio itu, Perdana Menteri turut memberi kepercayaan kepada menteri itu bagi kerja penyelarasan pembangunan di Lembah Klang berikutan kemajuannya begitu pesat.

Serentak itu, Tajol berkata beliau akan memastikan pembangunan Kuala Lumpur dari segi pembangunan manusia dan kemudahan awam, terutama lalu lintas berjalan lancar, selaras pembangunan pusat pentadbiran baru Kerajaan Pusat di Putrajaya.

Menurutnya, turut diberi tumpuan ialah masalah setinggan, terutama membabitkan rakyat asing Indonesia dan kesesakan lalu lintas.

Bagaimanapun, katanya, kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur semakin kurang berikutan pembinaan lingkaran jalan tengah dan lebuh raya baru yang penting untuk memastikan sistem lalu lintasnya lancar serta licin.

"Dalam membangunkan aspek fizikal Kuala Lumpur sebagai bandar raya indah dan cantik untuk didiami, masih banyak perkara perlu diberi perhatian seperti soal perumahan yang mana 35,000 unit flet kos rendah akan didirikan.

"Bagaimanapun, kerajaan perlu menetapkan dasar dan mengkaji sama ada menjual atau menyewa flet itu kepada penduduk yang layak," katanya selepas merasmikan program Setia Negara ketiga 1999 di Sekolah Menengah Seri Kampar, dekat sini, hari ini.

Beliau akan memastikan penyelarasan pembangunan Kuala Lumpur dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), termasuk mengambil kira pembangunan di kawasan sempadan .

Menurutnya, ramai penduduk bekerja di Kuala Lumpur tetapi menetap di sekitar Lembah Klang, termasuk Selangor yang mana aspek berkaitan, termasuk keperluan pengangkutan awam yang berkesan.

Selain itu, katanya, pembangunan kawasan dan kemudahan rekreasi perlu diselaraskan dengan pembangunan kawasan sekitarnya.

"Ini kerana 10 tahun dari sekarang kawasan sekeliling Kuala Lumpur akan memba-ngun dan kita mahu memastikan ia selaras pelan pembangunan Kuala Lumpur dan kawasan berhampiran," katanya.

(END)